



SIARAN MEDIA

SME Corp. meraikan kejayaan peserta Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) di Majlis Iftar Ramadan

Kuala Lumpur, 7 April 2022 - SME Corp. Malaysia (SME Corp.) pada hari ini telah memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada 7 peserta Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) yang telah berjaya membayar zakat. Majlis telah disempurnakan dengan upacara penyerahan sijil penghargaan yang telah berlangsung semasa Majlis Iftar SME Corp. Malaysia bersempena dengan bulan Ramadan.

Program TUB ini merupakan hasil kerjasama antara SME Corp. dan MAIWP selepas termeterainya suatu Memorandum Persefahaman pada Oktober 2019.

Pada tahun pertama, seramai 84 peserta telah dilatih melibatkan jumlah pembiayaan geran perniagaan bernilai RM955,000. Dari jumlah berkenaan seramai 23 peserta telah mampu membayar zakat terkumpul sebanyak RM9,552.00.

Pada tahun 2020 pula, seramai 50 peserta telah dilatih dengan jumlah geran perniagaan bernilai RM425,000. Seramai 10 asnaf yang dilatih kini pula telah mampu membayar zakat terkumpul sebanyak RM6,325. Semenjak tahun 2019, sejumlah 134 peserta telah dilatih melalui program berkenaan di bawah kendalian SME Corp. Program yang menggunakan model Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera atau TUBE ini mensasarkan bantuan keusahawanan melalui pemantauan dan khidmat nasihat kepada asnaf bertujuan untuk menambah baik taraf hidup mereka terutamanya di bidang perniagaan dan keusahawanan.

YB Datuk Muslimin Yahaya, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, memuji inisiatif SME Corp. ini memandangkan ia adalah

berlandaskan konsep “adil dan seimbang” yang mana sebahagian rezeki yang diperolehi turut dikongsi dengan orang lain melalui pengeluaran zakat.

Menurut Dato’ Sri Syed Hussien, Pengerusi SME Corp., “Majlis ini diadakan bagi meraikan kejayaan peserta terutamanya golongan asnaf yang telah berjaya ditransformasikan daripada penerima zakat kepada pembayar zakat”.

Rizal Nainy, Ketua Eksekutif, SME Corp., juga menjelaskan bahawa “Latihan pembangunan modal insan, pengurusan kewangan, pembiayaan serta khidmat nasihat dan sesi bimbingan perniagaan akan diberi bagi membolehkan usahawan Baitulmal MAIWP menjana pendapatan yang lebih baik dalam jangka panjang”.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah, YB Datuk Muslimin Yahaya, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YBhg. Datuk Haji Zamri Bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha

(Pembangunan Keusahawanan) KUSKOP, YBhg. Datuk Kamaruzzaman bin Johari, Setiausaha Politik kepada YB Menteri KUSKOP, Dato' Seri Syed Hussien Al Habshee, Pengurus SME Corp. Malaysia, YBrs. Encik Rizal Bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia, Haji Abdul Hakim Amir Osman, Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Ustaz Talmizi Yahaya, Pengurus Bahagian Agihan Zakat MAIWP, dan Ahli Perbadanan SME Corp. Malaysia.

-TAMAT-

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA
MALAYSIA**